

Headline	Pahang mula agih bantuan RM250		
MediaTitle	Kosmo		
Date	23 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	12	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	259 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,252
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,756



Pahang mula agih bantuan RM250

KUANTAN – Kerajaan Pahang semalam mula mengagihkan bantuan RM250 kepada 17,054 keluarga mangsa banjir di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, proses pengagihan dijangka mengambil masa dan meminta semua mangsa bersabar menunggu giliran mereka.

"Banjir kali ini membabitkan ramai mangsa dan sudah pasti proses untuk menyerahkan bantuan ihsan ini mengambil masa. Kita akan cuba mempercepatkan pengagihan dan berharap semua dapat bersabar.

"Kalau dikira dengan jumlah kerugian dialami setiap mangsa, sudah pasti jumlah bantuan ihsan

RM250 ini tidak memadai, namun kerajaan negeri akan mencari jalan lain untuk memberikan bantuan tambahan kepada mangsa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengiringi Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang menyempurnakan majlis penyerahan bantuan mangsa banjir peringkat negeri dan penghargaan kepada sukarelawan di Masjid Al-Mutaqqim, Tanah Putih,

dekat sini semalam.

Turut hadir ialah Sultanah Pahang, Sultanah Hajah Kalsom dan Tengku Arif Temenggong Pahang, Tengku Fahd Sultan Ahmad Shah.

Adnan berkata, secara

keseluruhan kerajaan negeri menganggarkan banjir yang berlaku awal bulan ini membabitkan kerugian kira-kira RM890 juta.

Sementara itu, pada majlis berkenaan, Sultan Ahmad Shah berkenan mengumumkan seramai 50 orang penduduk negeri ini yang terjejas akibat banjir akan dihantar mengerjakan umrah secara percuma oleh Lembaga Tabung Haji (TH) dan Sultan Ahmad Shah Environment Trust (SASET).

"Saya juga memohon agar pihak yang yang terpilih untuk pergi mengerjakan umrah nanti dapat mendoakan kesejahteraan buat negeri ini dan seluruh rakyat serta dilakukan dari dilanda musibah banjir sekali lagi," titah baginda. – Bernama

– Bernama



SULTAN AHMAD SHAH menyampaikan sumbangan wang tunai kepada mangsa banjir di Masjid Al-Mutaqqim, Tanah Putih di Kuantan semalam.